

## **PELANCONGAN ISLAM DI PULAU BESAR, MELAKA: POTENSI DAN CABARAN**

Khairul Azhar Meerangani, Syafiq Akmal Sazali, Mohammad Fahmi Abdul Hamid  
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Universiti Islam Melaka  
[azhar411@gmail.com](mailto:azhar411@gmail.com), [syafiqakmal@kuim.edu.my](mailto:syafiqakmal@kuim.edu.my), [fahmihamid8811@gmail.com](mailto:fahmihamid8811@gmail.com)

### **Abstrak**

Penubuhan Islamic Tourism Centre (ITC) pada tahun 2009 di bawah kendalian Kementerian Pelancongan telah merencanakan lagi pelancongan Islam di Malaysia. Organisasi ini bertanggungjawab membangun dan mempromosikan produk-produk pelancongan Islam di Malaysia kepada pelancong luar. Ini kerana Malaysia merupakan antara tumpuan utama yang menjadi destinasi pilihan hampir 25% pengunjung daripada keseluruhan pelancong Muslim di serata dunia. Pulau Besar merupakan antara lokasi tumpuan di Melaka yang banyak dikaitkan dengan kisah mistik dan lagenda. Para pelancong dari dalam dan luar negara sering melawati pulau ini atas pelbagai tujuan dan keperluan. Kajian ini bertujuan menilai potensi dan cabaran Pulau Besar sebagai salah satu lokasi tumpuan pelancongan Islam khususnya di Melaka. Kajian dijalankan secara kualitatif menerusi sumber primer dan sumber sekunder yang dianalisis secara induktif. Keindahan alam semula jadi dan kewujudan makam para ulama Nusantara yang masyhur seperti Syeikh Ismail, Syeikh Ibrahim dan Syeikh Yusuf telah menjadi tarikan para pelancong khususnya dari rantau Asia Tenggara. Namun, amalan-amalan khurafat yang masih berleluasa terutamanya di beberapa lokasi 'keramat' perlu diberi perhatian bagi memastikan potensi pulau ini sebagai salah satu hub pelancongan Islam berjaya direalisasikan.

**Kata kunci:** *Pelancongan Islam, Pulau Besar, Potensi, Cabaran, Promosi*

### **PENGENALAN**

Pelancongan berpotensi merencanakan pembangunan ekonomi dan sosial, khususnya menerusi peningkatan pendapatan dan penawaran peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat tempatan. Di Malaysia, industri pelancongan dianggarkan telah menyumbang sebanyak RM115 bilion daripada pendapatan negara serta menyediakan 2 juta peluang pekerjaan pada tahun 2015 (Laporan Tahunan MOA, 2016). Pencapaian ini tidak menghairankan memandangkan Malaysia sendiri menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2017. Oleh itu, pihak kerajaan telah mempergiatkan pelbagai inisiatif bertujuan mencapai sasaran 36 juta pelancong menjelang tahun 2020. Peningkatan jumlah pelancong ini dijangkakan bakal memberi pulangan pendapatan hampir RM168 bilion kepada negara (Utusan Malaysia, 2017). Pelancongan secara umumnya terbahagi kepada beberapa kategori antaranya ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan persidangan, pelancongan budaya, pelancongan pendidikan dan pelancongan Islam (Haliza, 2018).

Pelancongan Islam merupakan jenama baru produk pelancongan yang semakin berkembang bukan sahaja di Malaysia, malah di kebanyakan negara Islam secara meluas. Tren pelancongan bercirikan nilai-nilai Islam ini mula mendapat tempat dalam kalangan pelancong seterusnya mewujudkan peluang-peluang penawaran produk pelancongan bagi memenuhi permintaan mereka (Lina dan Hairul, 2012). Pelancongan berasaskan keagamaan ini sebenarnya telah mula bertapak sejak sekian lama. Sebahagian pengkaji seperti Wood (1984) dan Kadir Din (1997) menyenaraikan pelancongan bentuk ini sebagai salah satu tema yang menjadi tarikan dalam adalah pelancongan budaya. Meskipun Tilson (2005) dan Okhovat (2010) menggunakan istilah pelancongan spiritual, namun dari segi konseptualnya masih merujuk kepada tema yang sama dengan pelancongan Islam.

Penerimaan terhadap pelancongan Islam, atau istilah digunakan sebahagian pengkaji sebagai pelancongan spiritual dan pelancongan keagamaan ini dapat dilihat menerusi penganjuran persidangan dan penerbitan kajian ilmiah khusus berkaitan dengannya (Haq dan Ho, 2010).

Dengan komposisi wilayah hampir 30% di seluruh dunia, negara-negara Islam berpotensi besar mendominasi pasaran pelancongan di peringkat antarabangsa (Horn, 2000). Meskipun secara umumnya hampir 40 buah negara Islam yang terlibat aktif dalam merencanakan sektor pelancongan antarabangsa, namun hanya 10 negara sahaja memberikan impak yang besar di peringkat global iaitu Turki, Malaysia, Mesir, Maghribi, Indonesia, Arab Saudi, Lubnan, Tunisia, Syria dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Kumpulan 10 negara ini membentuk sebahagian besar pendapatan daripada keseluruhan negara Islam dalam sektor pelancongan iaitu US\$121.9 bilion ataupun 87.5%. Negara-negara OIC pada tahun 2015 secara kolektifnya merekodkan kehadiran 173.4 juta pelancong, iaitu hampir 72% daripada jumlah pelancong seluruh dunia dengan nilai perolehan keuntungan sebanyak US\$139.3 bilion. Global Muslim Travel Index (GMTI) pula melaporkan Malaysia, UAE, Indonesia, Turki, Arab Saudi dan Qatar merupakan destinasi pilihan utama pelancongan Islam pada tahun 2017.

Malaysia ternyata berjaya mempamerkan prestasi yang cemerlang apabila mendominasi di tangga kedua selepas Turki sama ada daripada segi bilangan pelancong mahupun hasil yang berjaya dijana dari sektor pelancongan. Berdasarkan rekod, Malaysia mencatatkan hampir 26 juta orang pelancong atau 18% daripada keseluruhan 143 juta bilangan pelancong dalam kalangan negara Islam pada tahun 2015. Di samping itu, hasil pendapatan sebanyak US\$18 bilion yang diperolehi juga mewakili 15% daripada keseluruhan pendapatan dari sektor pelancongan dalam kalangan negara OIC (SESRIC, 2017). Oleh itu, fokus pihak kerajaan dalam merencanakan lagi sektor pelancongan Islam di Malaysia ternyata suatu langkah tepat dalam usaha menjana pertumbuhan ekonomi negara secara mampan. Pelbagai lokasi menarik boleh diketengahkan sebagai destinasi tumpuan pelancongan. Pulau Besar di Melaka sebagai contoh, meskipun sedikit sepi daripada arus perhatian nasional, namun tetap merekodkan kehadiran pengunjung yang ramai saban tahun, sama ada dari dalam mahupun luar negara. Maka, inisiatif oleh kerajaan negeri dalam meneroka potensi seterusnya membangunkan pulau ini sudah semestinya mampu merencanakan lagi sektor pelancongan khususnya di Melaka.

### **Konsep Pelancongan Islam**

Pelancongan Islam secara umumnya bukanlah suatu model baru yang terpisah daripada arus perdana sektor pelancongan semasa. Namun, penekanan terhadap kepatuhan nilai dan perjalanan aktiviti patuh syarak memberikan kelainan dalam penawaran model pelancongan Islam ini. Selain itu, impak yang terhasil daripada aktiviti ini bukan sahaja tertumpu pada kerehatan mida dan tubuh badan sahaja, bahkan lebih daripada itu mampu membentuk insan ke arah yang lebih baik daripada sebelumnya. Islamic Tourism Centre mendefinisikan pelancongan Islam sebagai: “Apa jua aktiviti, acara, pengalaman, atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan perjalanan yang patuh dengan ajaran Islam, bertujuan untuk mengalami pengalaman cara kehidupan Islam dan mengeksplorasi sejarah, seni, budaya dan warisan Islam” (ITC, 2009).

Pelancongan Islam tidak terhad kepada pelancongan berbentuk ritual dan motivasi agama semata-mata, bahkan turut merangkumi semua bentuk pelancongan selagimana tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam (Jabil et.al, 2015). Hal ini sebagaimana yang ditekankan oleh Allah dalam surah al-Ankabut ayat 20 yang bermaksud: “Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru”. Allah turut berfirman dalam surah al-Mulk ayat 15 yang bermaksud: “Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segenap penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezeki-Nya”. Dalam hal ini, tujuan perjalanan serta pelaksanaan aktiviti memainkan peranan yang penting dalam menjustifikasikan konsep pelancongan Islam ini. Oleh itu, semua jenis pelancongan sama ada bertujuan memenuhi ritual kerohanian, menghormati prinsip-prinsip keagamaan, menjejaki tamadun lama dan warisannya, mengenali bandar dan negara (sejarah, etnik dan kesenian), persidangan ilmiah, rekreasi santai mahupun rawatan, tergolong dalam model pelancongan Islam (Shakirah, 2010).

Dasar penting yang membezakan pelancongan Islam dengan pelancongan komersial lain adalah penumpuan terhadap keredaan Allah berbanding keuntungan dan kepuasan pihak pelanggan (Graburn, 1977). Justeru, beberapa aspek perlu diberikan perhatian antaranya kemudahan menunaikan

solat (tempat, kiblat dan peralatan), akses makanan dan minuman yang halal dan diharuskan syarak, penjagaan kebersihan dan kerapian kawasan yang dilawati, penjagaan penampilan dan pakaian yang menutup aurat, penggunaan sumber yang halal untuk segala perbelanjaan perjalanan dan memastikan aktiviti yang dijalankan tidak bertentangan dengan syariat Islam (Jabil et.al, 2015). Oleh itu, matlamat serampang dua mata, iaitu mewujudkan nilai ibadah di samping menikmati perjalanan pelancongan dapat direalisasikan. Dalam masa yang sama, budaya dan syiar kehidupan masyarakat Islam dapat ditonjolkan dengan lebih berhemah dan berkesan menerusi pelaksanaan pelancongan Islam ini (al-Harmaneh, 2012).

### **Potensi Pelancongan Islam di Pulau Besar**

Sekitar abad ke-15, Pulau Besar masyhur sebagai tempat persinggahan para nelayan dan pedagang yang melalui Selat Melaka untuk mendapatkan bekalan air bersih, makanan serta kayu api sebelum menunggu giliran untuk berlabuh di Pelabuhan Melaka. Peranan Pulau Besar sebagai pusat bekalan air bersih turut diakui oleh Ma Huan (1970) dalam karyanya Ying-Yai Sheng Lan yang menyatakan bahawa Pulau Besar digelar sebagai Pulau Air @ Wu Shu oleh para pedagang China. Dakwaan ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan beberapa perigi lama yang dianggarkan berusia melebihi ratusan tahun di sekeliling pantai Pulau Besar. Kedudukan perigi-perigi itu pula hanya beberapa meter dari kawasan pantai. Namun begitu, kebanyakannya sudah tertimbus dan tidak boleh digunakan lagi. Menurut Ma Huan juga, para pedagang Cina akan berlabuh dan berehat di Pulau Besar bagi mendapatkan bekalan serta keperluan mereka. Hal ini kerana kebiasaannya masyarakat nelayan yang menetap di muara sungai Melaka akan membawa barangan dagangan mereka untuk ditukarkan dengan barangan para pedagang yang singgah di pulau ini berdasarkan keperluan masing-masing (ibid.). Kepesatan Melaka yang semakin membangun sebagai pusat pemerintahan dan perdagangan utama di Kepulauan Melayu secara tidak langsung turut memasyhurkan pulau ini sebagai pusat perdagangan berskala kecil, pusat bekalan air bersih mahupun keperluan asas serta tempat tumpuan untuk mempelajari juga mendalami ilmu agama setelah pulau ini didiami ramai pendakwah Islam.

Selain pedagang, terdapat juga pengembara dan pendakwah yang turut berminat untuk mendiami pulau ini disebabkan kedudukannya yang hanya terletak beberapa kilometer sahaja dari Pelabuhan Melaka. Oleh kerana Pulau Besar sudah terkenal sebagai pusat bekalan air bersih dalam kalangan pedagang dan pengembara, maka ia telah muncul sebagai tempat yang paling strategik untuk para pendakwah Islam memperkenalkan serta mengembangkan ajaran Islam. Kemasyhuran Pulau Besar sebagai pusat perkembangan dakwah Islam yang utama di alam Melayu suatu ketika dahulu sebahagian besarnya disumbangkan oleh para pendakwah aliran tasawuf yang sanggup berkorban untuk datang ke alam Melayu khususnya Melaka. Majoriti daripada mereka berperanan menyebarkan Islam menerusi pembinaan madrasah dan pusat pengajian bagi membantu masyarakat tempatan mendalami Islam dengan lebih baik. Antaranya adalah Syeikh Ismail yang digelar sebagai Sultan al-‘Arifin dan masyhur dalam kalangan penduduk tempatan kerana berasal daripada keturunan Rasulullah SAW dari sanad Hussain bin Ali RA. Beliau bersama pengikutnya telah menetap di Pulau Besar dan membina sebuah penempatan kecil untuk menyebarkan ajaran Islam. Zawiyah atau madrasah Pulau Besar ini menjadi antara lokasi tumpuan penyebaran Islam yang terkenal pada zaman dahulu serta memainkan peranan yang besar dalam penyebaran ilmu pengetahuan juga perkembangan tasawuf di sekitar Nusantara (Ramli, 2006).

Nama sebenar Sultan al-‘Arifin ialah Syeikh Ismail bin Sayyid Abdul Qadir bin Sayyid Abdul Jabbar. Beliau merupakan keturunan Rasulullah SAW ke-18 daripada nasab keturunan Sayyidina Hussain bin Ali RA serta cicit kepada Sultan al-Awliya’ Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, seorang wali Allah yang sangat masyhur di seluruh dunia. Syeikh Ismail turut dikenali sebagai Wali Lanang di Kepulauan Melayu sebagaimana yang tercatat dalam Babad Tanah Jawi (Pandji, 1917). Sultan al-‘Arifin adalah nama yang digelarkan oleh orang ramai terhadap beliau membawa maksud ‘Penghulu Orang-Orang Yang Arif’. Syeikh Ismail telah dilahirkan pada 17 Rabi’ al-Awwal tahun 867H/1463M di Baghdad. Bapanya bernama Sayyid Abdul Qadir dan ibunya Sayyidah Fatimah. Beliau mempunyai ilmu dan pengetahuan agama yang tinggi. Sewaktu ke Madinah untuk menziarah makam Rasulullah SAW, beliau telah didatangi satu suara yang menyuruh beliau mengembangkan dakwah Islam di

kepulauan Jawa. Sebagai seorang yang taat kepada agama, beliau berusaha menunaikan amanah tersebut lalu memulakan pengembaraan dan akhirnya tiba di Pulau Besar bersama-sama dengan ahli rombongannya (Ana Faqir, 2008). Syeikh Ismail berserta gurunya Syeikh Yusuf Siddiq, abangnya Syeikh Ibrahim berserta 13 orang yang lain dari Baghdad sampai ke Pulau Besar pada 1495M/900H. Mereka merupakan antara kumpulan pendakwah pertama sampai ke Pulau Besar untuk menjadikan pulau itu sebagai pusat perkembangan dakwah di alam Melayu. Kemudian, beberapa para pendakwah yang lain dari Syria, Yaman dan Semenanjung Arab turut datang sehingga jumlah mereka seramai 43 orang. Kesultanan Melayu Melaka ketika itu diperintah oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1528M), sultan terakhir sebelum Melaka jatuh ke tangan penjajah Portugis pada 1511M. Di Pulau Besar, ilmunya telah berkembang luas dan beliau mempunyai pengikut yang sangat ramai di seluruh Kepulauan Melayu termasuk India, Samudera-Pasai, Champa dan Kelantan.

Kemasyhuran Pulau Besar sebagai pusat perkembangan dakwah Islam yang utama di alam Melayu suatu ketika dahulu sebahagian besarnya disumbangkan oleh para pendakwah aliran tasawuf yang sanggup berkorban untuk datang ke alam Melayu khususnya Melaka. Majoriti daripada mereka menghabiskan sisa hidup dengan menyebarkan Islam menerusi pembinaan madrasah dan pusat pengajian bagi membantu masyarakat tempatan mendalami Islam dengan lebih baik. Maka, tidak hairanlah kubur-kubur mereka masih lagi wujud di sekitar nusantara. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dianggarkan sebanyak 29 kubur yang berjaya dikesan wujud di sekitar kawasan Pulau Besar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 buah merupakan kubur lelaki dewasa, 5 buah kubur wanita dewasa dan sebuah kubur kanak-kanak lelaki. Namun begitu, sebahagian besar daripada pemilik kubur tersebut masih belum dapat dikenal pasti disebabkan kekurangan sumber maklumat yang berautoriti untuk mengesahkannya. Di antara 29 buah kubur tersebut, terdapat beberapa kubur yang menjadi tumpuan para pelancong sama ada dengan tujuan ziarah kerohanian mahupun ritual spiritual antara makam para wali seperti Syeikh Ismail, Syeikh Ibrahim dan Syeikh Yusuf, makam Sharifah Rodziah, makam 7 Beradik, makam Tok Putih dan makam Tok Janggut. Atas dasar itu, pihak kerajaan Negeri Melaka menerusi Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) telah mengambil inisiatif dengan membina sebuah muzium yang memaparkan kisah sejarah dan legenda di Pulau Besar di samping mengambil alih dan membaik pulih beberapa buah makam di pulau ini.

Selain itu, Pulau Besar juga terkenal dengan keindahan pantainya yang bersih dan jernih di samping kehijauan flora dan fauna yang sebahagiannya masih lagi terpelihara. Pembinaan surau Jumaat berhampiran Kompleks Makam Pulau Besar memberikan kemudahan buat para pengunjung untuk menunaikan solat di samping akses kepada gerai makan yang tidak berjauhan daripada kompleks makam. Pulau yang hanya boleh diakses menerusi jalan laut ini memberikan peluang buat para pengunjung untuk menikmati ekspedisi merentasi laut sepanjang perjalanan. Bagi yang berminat meneroka keindahan pulau ini, pakej sewaan kenderaan bermotor turut disediakan dengan kadar sewa yang berpatutan. Menariknya, berhampiran pantai terdapat banyak perigi wakaf yang masih berfungsi, membolehkan para pengunjung mendapatkan bekalan air bersih bagi pelbagai tujuan. Di Pulau Besar ini juga, wujud dua khemah atau wakaf utama yang menyediakan makanan percuma kepada pengunjung, iaitu Wakaf Masak 7 Beradik dan Wakaf Masak Bonda yang terletak berhampiran dengan bekas tapak Makam 7 Beradik. Wakaf Masak 7 Beradik ini asalnya terletak di kawasan Makam Sultan al-‘Arifin sebelum dipindahkan berdekatan dengan Wakaf Bonda. Wakaf ini menyediakan sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam setiap hari manakala Wakaf Bonda hanya menyediakan makanan pada hujung minggu bergantung pada sumbangan orang ramai.

### **Cabaran Amalan Khurafat di Pulau Besar**

Aktiviti syirik dan khurafat di pulau ini dipercayai bermula setelah Melaka ditawan penjajah asing dan juga kematian para alim ulama yang tinggal di pulau ini. Akhirnya, pulau ini semakin jarang dikunjungi dan menjadi seperti tempat yang tidak bertuan. Hal ini membuka ruang kepada kumpulan-kumpulan tertentu membuat aktiviti mereka sesuka hati, termasuk melakukan amalan syirik dan khurafat di atas tempat-tempat sejarah yang terdapat di pulau ini. Terdapat beberapa tempat pemujaan seperti Keramat Ular, Batu Belah, Gua Yunus dan kawasan perkuburan tertentu yang dijadikan sebagai lokasi pemujaan memohon hajat, menyembah dewa (bagi yang bukan Islam),

bertapa (bagi pengamal ilmu persilatan) dan kegiatan yang terpesong jauh daripada ajaran agama Islam (Mohd Tourisz, 1990). Dalam masa yang sama, segelintir penduduk tempatan pula seakan-akan mengambil kesempatan daripada fenomena ini bagi mengaut keuntungan dengan menjual alat yang digunakan untuk upacara-upacara khurafat seperti kalungan bunga, colok, air bunga mawar dan kelapa. Malah ada juga yang menjual barang-barang lama dan objek yang dianggap mempunyai keramat seperti batu permata, batu geliga, cincin lama, keris lama dan lain-lain dengan harga yang agak tinggi.

Sebahagian pengunjung pula yang mempercayai kealiman dan kehebatan para wali Allah yang dimakamkan di situ terutamanya Syeikh Ismail akan bernazar pada waktu malam bagi memperoleh hajat-hajat tertentu seperti mendapatkan anak dan maju dalam perniagaan. Mereka yang bernazar akan menyembelih seekor kambing dan turut melakukan zikir atau bacaan surah Yasin di tepi makam dengan harapan hajat mereka dikabulkan oleh Allah dengan keberkatan Sultan al-'Arifin ini (Kosmo Online, 2018). Selain itu, makam 7 beradik juga menjadi tumpuan para pengamal khurafat ini. Kubur ini dahulunya terletak lebih kurang 100 meter dari kubur Syeikh Ismail namun kini telah dipindahkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) ke Kompleks Perkuburan Pulau Besar bagi mengelakkan sebarang aktiviti pemujaan daripada terus berleluasa. Namun begitu, tapak lama perkuburan tersebut masih lagi dikunjungi dengan pelbagai aktiviti khurafat dan syirik yang dilakukan seperti membakar colok, kemenyan, memohon hajat dan sebagainya kerana mereka masih mempercayai jasad 7 beradik ini masih berada di situ.

Pada tahun 2011, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku urus setia Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah menandatangani tiga perjanjian penyelidikan dan kerjasama dalam isu kefatwaan bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan hukum-hakam di negara ini antaranya berkaitan Tahap Keterlibatan, Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Islam Terhadap Perkara-perkara Khurafat Serta Cadangan Penyelesaiannya: Kajian di Pulau Besar, Melaka. Berdasarkan kajian yang dijalankan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 2015 telah mengeluarkan beberapa resolusi yang perlu dijadikan sebagai panduan buat semua pengunjung Pulau Besar (FMS USIM, 2011). Untuk menghapuskan amalan syirik dan khurafat daripada terus berleluasa, Kerajaan Negeri Melaka juga melalui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah membina sebuah surau dan melantik 2 orang imam untuk bergilir-gilir menguruskan surau tersebut. Para pengunjung juga dinasihatkan untuk bertanya kepada imam-imam tersebut sekiranya mereka mempunyai sebarang kemusykilan tentang amalan yang ingin mereka lakukan di pulau ini.

Selain itu, pegawai MAIM dan pihak polis kerap datang ke pulau ini untuk memantau segala aktiviti yang dijalankan oleh pengunjung di pulau ini. Mereka yang beragama Islam boleh dikenakan tindakan saman jika didapati melakukan sebarang aktiviti yang bertentangan dengan syarak manakala mereka yang bukan beragama Islam akan dinasihatkan supaya tidak mencemarkan kubur-kubur orang Islam dengan barangan pemujaan. Malah ada juga penduduk tempatan yang prihatin dengan masalah ini telah mengambil inisiatif sendiri dengan membersihkan kawasan tinggalan sejarah yang terdapat di pulau ini daripada semua barangan pemujaan seperti soja, setinggi, kain-kain kuning dan darah haiwan sembelihan (Astro Awani, 2018). Pihak kerajaan Melaka turut mengambil beberapa inisiatif bagi membasmi amalan khurafat dan syirik di Pulau Besar. Antaranya menerusi penubuhan Sekolah Menengah Agama dan Tahfiz Al-Quran Pulau Besar Melaka bertujuan memberi nilai tambah terhadap produk pelancongan yang berorientasikan pendidikan. Pihak kerajaan turut meluluskan peruntukan sebanyak RM12 juta bagi pembinaan sebuah masjid dan jeti baharu di Pulau Besar dalam usaha menaikkan semula imej pulau itu sebagai antara produk pelancongan di Melaka. Di samping itu, usaha menjenamakan semula Pulau Besar diteruskan menerusi permohonan status penuh Pulau Besar sebagai pulau pelancongan bebas cukai untuk menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

## **PENUTUP**

Kemampuan mendominasi pasaran pelancongan antarabangsa membuktikan potensi Malaysia sebagai salah sebuah hub utama pelancongan Islam khususnya dalam kalangan negara-negara Islam. Usaha yang proaktif oleh pihak kerajaan ternyata berjaya melonjakkan prestasi Malaysia terutamanya dalam 5 tahun kebelakangan ini. Melaka merupakan antara penyumbang utama sektor pelancongan domestik menerusi penawaran pelbagai produk pelancongan khususnya yang bertemakan sejarah, kesenian, kebudayaan dan warisan. Pulau Besar sebagai salah sebuah tarikan pelancongan yang telah bertapak lama di Melaka berpotensi ditonjolkan sebagai antara produk pelancongan Islam. Namun, pihak kerajaan terutamanya di peringkat negeri perlu menggandakan usaha bagi meningkatkan lagi tarikan di pulau tersebut bagi memastikan Pulau Besar mampu bersaing dengan produk-produk pelancongan lain bukan sahaja di Malaysia, bahkan di persada antarabangsa.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Abdullah. (2012). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Al-Hamarneh. 2012. Islamic Tourism: A Long Term Strategy of Tourist Industries in the Arab World after 9/11? <http://www.staff.uni-mainz.de/alhamarn/Islamic%20Tourism%20-%20paper%20for%20BRISMES%202004.htm>. dicapai pada 14 September 2018.
- Ana Faqir. (2008). *Menyingkap Misteri Pulau Besar*. Kuala Lumpur: Seribu Dinar.
- Anwar Din. (2008). Pelancongan Budaya di Malaysia: Konsep dan Senario. Dlm. Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad dan Habibah Ahmad (eds). *Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan*. Sintok: Penerbit UUM.
- Graburn NH. (1977). Tourism: The Sacred Journey. In: Smith V (ed.). *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Haliza Abdul Rahman. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Edisi Khas*.
- Haq F and Ho YW. (2010). Is Spiritual Tourism a New Strategy for Marketing Islam?. *Journal of Islamic Marketing* vol. 1 no. 2.
- Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki dan Rosmiza Mohd Zainol. (2015). Pelancongan Islam: Suatu Tinjauan Konseptual dan Relevannya di Malaysia. *GEOGRAFIA*, vol. 11 no.1.
- Kadir Din. (1989). Islam and Tourism: Patterns, Issues and Options. *Annals of Tourism Research* vol. 16 no. 4.
- Ma Huan. (1970). *The Overall Survey of The Ocean's Shores*. J.V.G Mills (transl.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Faizal Harun. (2015). *Tasawuf Dan Tarekat Sejarah Perkembangan Dan Alirannya Di Malaysia*. Sintok: Penerbit UUM.
- Mohd. Tourisz Md. Noh. (1990). "Pulau Besar : Satu Kajian Kes Ke Atas Keramat dan Aspek-Aspek yang Berkaitan Dengannya : Tumpuan Lebih Kepada Islam". Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2010). "Islamic Tourism: A Conceptual Framework". Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010). Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Pandji Djojosebroto (ed.). (1917). *Serat Babad Tanah Jawi*. Semarang: G.C.T. Van & Co.